

GARIS PANDUAN PENERIMAAN DAN PEMAKAIAN ANUGERAH ASING BAGI WARGANEGARA MALAYSIA

TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur penerimaan Anugerah Asing bagi warganegara Malaysia.

PENGENALAN

2. Garis Panduan ini dibuat berdasarkan Seksyen 11, Akta Kesalahan yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017 [*Akta 787*]. Di bawah Akta ini “Anugerah Asing” ertinya Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang dianugerahkan oleh Ketua Negara dalam Jadual Pertama Akta 787. Senarai Ketua Negara Asing yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta 787.

3. Seseorang warganegara Malaysia yang dicadangkan untuk pengurniaan Anugerah Asing hendaklah mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah Garis Panduan ini.

PROSEDUR PENERIMAAN ANUGERAH ASING OLEH WARGANEGARA MALAYSIA

4. Sebarang cadangan pengurniaan Anugerah Asing oleh Ketua Negara Asing hendaklah dilaksanakan melalui saluran diplomatik antara negara berkenaan dan Kerajaan Malaysia.

5. Warganegara Malaysia tidak boleh menerima sebarang cadangan pengurniaan Anugerah Asing daripada Ketua Negara Asing secara individu. Walau bagaimanapun sekiranya seseorang warganegara menerima cadangan pengurniaan Anugerah Asing secara langsung daripada Ketua Negara Asing, warganegara tersebut perlulah memaklumkan kepada wakil negara berkenaan supaya mengemukakan cadangan penganugerahan melalui saluran diplomatik.

6. Cadangan pengurniaan Anugerah Asing daripada Ketua Negara Asing kepada warganegara Malaysia perlu dikemukakan melalui Nota Diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri Malaysia. Kementerian Luar Negeri akan mengemukakan cadangan tersebut kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan perakuan Kerajaan dan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

7. Perakuan Kerajaan dan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tersebut akan dimaklumkan kepada Ketua Negara Asing yang mencadangkan pengurniaan Anugerah Asing melalui Kementerian Luar Negeri. Sebarang keputusan Kerajaan tidak akan didedahkan kepada individu. Prosedur tawaran pengurniaan Anugerah Asing seterusnya adalah tertakluk kepada Ketua Negara Asing yang berkenaan.

8. Seseorang warganegara tidak boleh menerima Anugerah Asing sebelum perakuan Kerajaan dan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diperolehi.

PERATURAN PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KERAJAAN NEGERA ASING

9. Seseorang warganegara tidak boleh memakai Anugerah Asing serta menikmati dan menggunakan gelaran dan panggilan Anugerah Asing dalam apa-apa bentuk dan cara di Malaysia (contoh: kad nama dan kepala surat). Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta 787 warganegara yang menerima Anugerah Asing diberikan pengecualian dalam situasi yang berikut:

- (i) Anugerah yang diberikan di atas **keberanian** atau **perkhidmatan substansial boleh dipakai oleh penerima** itu dalam majlis yang patut di Malaysia seperti berikut:
 - (a) Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (b) Istiadat Mengarak Panji-Panji bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (c) Lawatan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Negeri-Negeri;
 - (d) Istiadat Menyambut Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baharu;
 - (e) Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Perisytiharan Memegang Jawatan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;

- (f) Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (g) Jamuan Negara sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (h) Istiadat Keberangkatan Pulang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (i) Sambutan Hari Pahlawan peringkat Kebangsaan;
 - (j) Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen; atau
 - (k) Majlis-majlis yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai majlis beristiadat yang memerlukan pemakaian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat¹.
- (ii) Seseorang warganegara **hanya boleh memakai** sesuatu Anugerah Asing **sebagai mematuhi tatacara pemakaian** bagi sesuatu majlis yang diadakan di Malaysia oleh seseorang wakil yang diiktiraf Kerajaan Negara Asing yang berkenaan.

10. Carta alir prosedur penerimaan Anugerah Asing daripada Ketua Negara Asing oleh warganegara Malaysia adalah seperti di **Lampiran I**.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

11. Selaras dengan tujuan penyediaannya, Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua cadangan pengurniaan Anugerah Asing kepada warganegara Malaysia.

¹ Mematuhi tatacara pakaian bagi majlis yang berkenaan seperti mana yang ditetapkan dalam surat jemputan.

PERTANYAAN

12. Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh ditujukan kepada:


Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

No. Tel. : 03-8872 6634 / 03-8872 6635 / 03-8872 6636

No. Faks. : 03-8888 3981

E-mel : webmaster.istiadat@1govuc.gov.my

PROSEDUR PENERIMAAN ANUGERAH ASING DARIPADA KETUA NEGARA ASING BAGI WARGANEGARA MALAYSIA



*Nota:

1. Warganegara Malaysia tidak boleh menerima sebarang cadangan pengurniaan daripada Ketua Negara Asing secara individu.
2. Semua cadangan pengurniaan perlu melalui prosedur yang ditetapkan seperti di **Rajah B**.